

Pembangunan Model Penilaian Sumber Semulajadi dan Rekreasi

Mohd Zakaria Hamzah (P72322), Saiful Arif Abdullah dan Shaharuddin Mohamad Ismail

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: m.z_alzkr@yahoo.com

Penyataan Masalah: Perancangan dan pembangunan ekopelancongan di Semenanjung Malaysia berhadapan ketiadaan model penilaian sumber semulajadi dan rekreasi yang boleh digunakan untuk merancang dan menentukan kesesuaian sesebuah kawasan ekopelancongan. Keadaan ini membawa kepada kemerosotan sumber semulajadi, ketidakstabilan ekosistem, pencemaran air, kelemahan daya tampung, ancaman kepada habitat, flora dan fauna serta mencetuskan konflik di antara masyarakat tempatan. Secara tidak langsung keadaan ini telah mengurangkan nilai estatika sesebuah kawasan ekopelancongan itu sendiri. **Objektif:** Justeru, objektif kajian adalah untuk membangunkan sebuah model penilaian sumber semulajadi dan rekreasi yang holistik sebagai asas dan panduan dalam merancang serta menentukan kesesuaian sesebuah kawasan ekopelancongan yang lestari. **Metodologi:** Kajian ini merangkumi pengenalpastian kriteria-kriteria asas ekopelancongan lestari, pemetaan kawasan dan pengukuran peratusan kawasan yang berpotensi untuk ekopelancongan lestari. Pengesahan kriteria-kriteria ekopelancongan lestari berasaskan pandangan pakar dijalankan, di mana kriteria-kriteria tersebut digunakan di dalam survei soal-selidik dan temubual bersama penduduk tempatan. Koordinat kriteria yang diperoleh direkodkan dan disimpan di dalam Sistem Maklumat Geografi (ARC/INFO versi 7.1.1) yang kemudiannya akan dibangunkan peta taburan kriteria. Peta taburan kriteria tersebut dijadikan asas kepada model pemetaan ekopelancongan lestari berdasarkan kategori kesesuaian; i.e sangat sesuai, sesuai, kurang sesuai dan tidak sesuai untuk ekopelancongan lestari. Model tersebut seterusnya dibandingkan dengan pelan pemetaan kawasan ekopelancongan sedia ada untuk melihat peratusan kawasan yang telah dibangunkan untuk tujuan yang berlainan. **Hasil:** Jangkaan hasil kajian ini adalah set kriteria penilaian sumber semulajadi & rekreasi, pemetaan ekopelancongan lestari dan status semasa kawasan yang telah dibangunkan untuk tujuan yang berlainan. **Kesimpulan:** Sebagai satu kajian kes, model ini diharap boleh dijadikan asas untuk perancangan pembangunan ekopelancongan lestari di seluruh negara. Justeru, suatu kawasan ekopelancongan yang lebih terancang, holistik dan lestari dapat dibangunkan pada masa akan datang.